

Tak susah cari pasangan

INDIVIDU yang memiliki ketinggian luar biasa tidak sukar untuk mencari pasangan hidup, sebaliknya keistimewaan mereka itu mungkin dapat menjadi daya penarik menerusi keperibadian yang memikat.

Menurut Pensyarah Jabatan Psikologi, Kolej Universiti HELP, Prof. Dr. Noran Fauziah Yaakub, ini kerana faktor fizikal atau luaran bukan kriteria utama yang dipandang dalam mencari pasangan.

"Masyarakat lebih tertarik untuk berkawan dan menjalin hubungan dengan lebih serius jika seseorang itu memiliki perwatakan menarik dan imej sendiri yang positif.

"Personaliti ini dapat dibentuk jika individu tersebut dibesarkan dalam kelompok masyarakat yang sentiasa memberikan sokongan dan tidak memandang rendah kekurangan mereka," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* *Ahad* di sini semalam.

Bagaimanapun, Dr. Noran Fauziah

memberitahu, individu terbabit lebih cenderung untuk berasa rendah diri dengan 'kelebihan' mereka itu kerana mungkin sering dibuli atau diejek oleh rakan-rakan sebaya.

Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Dr. Zainal Madon pula memberitahu, imej sendiri merupakan elemen penting bagi seseorang yang memiliki fizikal luar biasa.

"Imej sendiri adalah gambaran individu tentang diri mereka, khususnya berkaitan dengan fizikal seperti rupa paras dan bentuk badan.

"Kegagalan menerima diri akan menyebabkan individu berasa tertekan, malu, menyendiri, rasa diri tidak berguna, tidak yakin serta mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah. Ia boleh menjejaskan kesejahteraan diri dan hubungan sosial individu terbabit," ujarnya.



DR. NORAN
FAUZIAH